

17 FEB 1998

Goh-Lawatan

GOH AKHIRI LAWATAN DUA HARI

MELAKA, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berlepas pulang petang ini selepas lawatan rasmi dua hari yang dianggapnya sebagai satu "kunjungan yang bermanfaat".

Beliau berkata perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur semalam meliputi pelbagai perkara dan beliau percaya mereka berpuashati dengan rundingan itu.

"Beliau seorang tuanrumah yang baik dan saya sangat berbesar hati apabila kereta yang saya naiki dipandu oleh seorang perdana menteri," katanya kepada pemberita selepas melawat sebuah anak syarikat elektronik Singapura di Zon Perdagangan Bebas Batu Berendam dekat sini.

Dr Mahathir telah mengunjungi Goh di suite hotelnya di Kuala Lumpur pagi ini sebelum memandu sendiri rakan sejawatannya itu dengan sebuah Proton Putra untuk melawat pusat penyiaran All-Asia Satellite Television and Radio Company (Astro) di luar ibunegara.

Goh dan rombongannya kemudian berlepas melalui jalan darat ke bandar bersejarah ini dan beliau diraikan pada satu jamuan tengah hari oleh kerajaan negeri di sebuah resort tepi pantai.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan pelaburan Singapura di Malaysia akan meningkat berikutan lawatannya itu, Goh berkata beliau sememangnya mengharapkan sedemikian, sambil menarik perhatian kepada hakikat bahawa antara tujuan lawatannya itu ialah untuk membuktikan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia.

"Kami tentunya menggalakkan para pelabur Singapura menanam modal di sini terutama memandangkan Dr Mahathir telah berkata beliau mengalu-alukan kedatangan para pelabur dari Singapura " kata Goh yang kali terakhir membuat kunjungan rasmi ke Malaysia pada 1994.

Di Melaka sendiri, pelaburan Singapura setakat ini berjumlah RM235 juta dengan lebih 50 permohonan sedang diproses.

Mengenai pelancongan, Goh berkata Melaka boleh mengambil peluang daripada sektor pelancongan Singapura untuk mengadakan usaha-usaha menarik para pelancong itu melawat negeri ini.

"Kami mempunyai kira-kira tujuh juta pelancong yang datang ke Singapura setiap tahun...terpulang kepada Ketua Menteri Melaka (Datuk Seri Abu Zahar Isnin) menarik para pelancong ini untuk turut mengunjungi Melaka," katanya.

Abu Zahar memberitahu pemberita kemudian bahawa beliau telah mengarahkan para pegawai pelancongan negeri untuk menjalankan kempen promosi di republik itu untuk menarik para pelancong asing ke Melaka.

Semasa diminta menghuraikan mengenai latihan tenaga manusia dalam sektor pelancongan seperti yang disebut dalam pernyataan bersama perbincangannya dengan Dr Mahathir, Goh berkata Singapura sedia menawarkan tempat bagi latihan untuk rakyat Malaysia.

"Terpulang apa yang Malaysia mahu kami lakukan...kami menekankan keutamaan terhadap latihan tenaga manusia.

"Jika terdapat kursus yang kami sediakan yang dapat memberi bantuan kepada mereka tentunya kami boleh menempatkan mereka di Singapura," kata Goh yang memilih untuk pulang ke Singapura melalui jalan darat.

Ditanya apa yang mahu dilihatnya di sepanjang jalan, Goh tersenyum dan berkata "saya mahu melihat Laluan Kedua".

"Laluan Kedua" itu merupakan jambatan sepanjang dua kilometer yang menghubungkan Gelang Patah di Johor dengan Tuas di Singapura yang dibuka kepada lalulintas pada 2 Jan.

Sejak itu ialah telah memberikan pilihan kemudahan kepada Tambak Johor yang semakin sesak dan sejak bertahun-tahun merupakan satu-satunya penghubung antara kedua-dua negara. -- BERNAMA
AZZ RON